

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**  
**TARIKH : 17.10.2016 (ISNIN)**  
**NO. SOALAN : 14**

Minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan statistik tahunan antara 2000-2015 mengenai perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terutama bilangan syarikat mengikut sektor/industri, negeri, lokasi bandar-luar bandar, modal asal, pemilikan berdasarkan kewarganegaraan, pendapatan tahunan, bilangan pekerja berdasarkan kewarganegaraan.

**Jawapan**

Tuan Yang Dipertua,

Profil perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berdasarkan Banci Ekonomi yang dilaksanakan pada tahun 2011 menunjukkan bahawa terdapat sejumlah 645,136 pertubuhan PKS di Malaysia dalam tahun 2010. Ini merangkumi sebanyak 97.3% daripada jumlah keseluruhan pertubuhan perniagaan.

Untuk makluman Ahli-ahli yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia telah mula menjalankan Banci Ekonomi 2016 bagi tahun rujukan 2015 sejak bulan April 2016 bagi mengumpul maklumat lengkap

struktur dan profil kegiatan ekonomi serta perniagaan di Malaysia. Dianggarkan sebanyak 700,000 pertubuhan termasuk PKS dan syarikat besar yang meliputi semua sektor selain runcit dan borong akan diliputi. Perniagaan yang menjalankan aktiviti perdagangan edaran seperti perniagaan runcit dan borong terkecuali daripada liputan Banci Ekonomi 2016 (merangkumi lebih 362,000 PKS) kerana Banci Perdagangan Pengedaran telah dijalankan pada tahun 2014. Laporan bagi kedua-dua Banci akan digunakan untuk menghasilkan statistik PKS yang dijangka siap dan diterbitkan secara berperingkat mulai bulan Jun sehingga Disember 2017.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan Banci Ekonomi pada tahun 2011, majoriti daripada jumlah PKS ini merupakan perusahaan mikro iaitu sebanyak 496,458 (77%), diikuti dengan perusahaan bersaiz kecil sebanyak 128,787 (20%) dan perusahaan bersaiz sederhana sebanyak 19,891 (3%). Daripada segi industri, 580,985 atau 90% daripada keseluruhan PKS adalah dalam sektor perkhidmatan diikuti oleh 37,861 (5.9%) PKS dalam sektor pembuatan. Baki 19,283 PKS (3%) adalah dalam sektor pembinaan, 6,708 (1%) dalam sektor pertanian dan 299 (0.1%) dalam sektor perlombongan dan pengkuarian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kebanyakan PKS di Malaysia adalah dari negeri Selangor (19.5%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (13%), diikuti oleh Johor (10.7%) dan Perak (9.3%). Daripada segi status milikan pula, sebanyak 71% PKS adalah milikan individu, kira-kira 18.4% PKS adalah syarikat sendirian berhad, perkongsian sebanyak 8.5% dan lain-lain milikan (2.1%). Sementara itu,

bahagian peratusan guna tenaga PKS kepada guna tenaga keseluruhan pada tahun 2013, 2014 dan 2015 masing-masing adalah 57.5% (5.1 juta pekerja), 65% (6.2 juta pekerja), dan 65.5% (6.6 juta pekerja). Berdasarkan Banci Ekonomi yang sama, jumlah pendapatan tahunan mengikut nilai output kasar PKS adalah RM507 bilion.